

PNB sokong Projek Teratak Semai

» *Salur dana RM100,000 bantu pembangunan Orang Asli*

Oleh Sharaani Ismail
dan Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

► **Tapah**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyokong usaha kerajaan negeri membangunkan Projek Teratak Semai di Batu Lima di sini, dengan me-

ngumumkan sumbangan bernilai RM100,000.

Pengerusinya, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, projek diusahakan kerajaan negeri itu adalah satu konsep menarik, terutama membabitkan masyarakat Orang Asli dalam pembangunan negara.

Katanya, pihaknya sentiasa menyokong pembangunan masyarakat Orang Asli membabitkan pembinaan 20 rumah dibina sendiri masyarakat pribumi berkenaan.

“Saya sudah berbincang dengan Pengerusi dan Ketua Eksekutif, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, agar PNB menyertai Projek Teratak Semai dengan sum-



bangan RM100,000,” katanya ketika berucap dalam program Bersama Kumpulan PNB di SK Batu Tujuh, Jalan Pahang di sini semalam.

Sumbangan wakaf RM22,000
Pada majlis berkenaan, Ahmad Sarji turut menyampaikan sumbangan wakaf bernilai RM22,000

daripada Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) kepada pihak pentadbiran SK Batu Tujuh.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon dalam ucapannya berkata, kerajaan negeri menerusi pihaknya memohon bantuan daripada PNB serta anak syarikatnya membantu dan menyokong Projek Teratak Semai bagi pembangunan Orang Asli di kawasan berkenaan.

Katanya, projek berkenaan turut mendapat bantuan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM)

dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dengan kos pembinaan bagi setiap rumah bernilai RM5,000.

Rumah rekaan UPM

“Rekaan rumah berkenaan dibuat oleh UPM, manakala pembinaan rumah membabitkan kos RM5,000 dengan pemberian upah kepada penduduk setempat yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli.

“Jadi, saya memohon kepada PNB dan anak syarikatnya agar dapat memberi sedikit sumbangan bagi membantu kerajaan negeri khususnya masyarakat Orang Asli untuk melancarkan program berkenaan,” katanya.